

## Pemahaman dinamik operasi, strategi

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Jabatan Pentadbiran dengan kerjasama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Kursus Islamic Governance bagi Pegawai-Pegawai KHEU selama dua hari mulai Isnin, 8 hingga 9 Februari 2021 bertempat di Dewan Melor, Tingkat 2, KHEU, Jalan Dewan Majlis.

Seramai 30 orang peserta kursus terdiri daripada Pegawai-pegawai Bahagian II dan III menyertai bengkel tersebut. Fasilitator kursus ialah Dekan Fakulti Syariah, KUPU SB, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Sebanyak dua modul lagi dibentangkan pada sebelah pagi tadi iaitu Modul 5 mengenai Urus Tadbir Islam Dalam Kerangka Maqashid Syariah dan Modul

6 Integriti Dalam Urus Tadbir Islam.

Manakala pada hari pertama Kursus Islamic Governance ini, sebanyak empat modul telah dibentangkan iaitu Modul 1 : Definisi, Dasar dan Matlamat Urus Tadbir Islam; Modul 2: Ciri-ciri dan Prinsip Urus Tadbir Islam; Modul 3 mengenai Nilai-Nilai Urus Tadbir Dalam Al-Quran dan As-Sunah dan Modul 4 mengenai Paradigma Tauhid dan Implikasinya Terhadap Urus Tadbir.

Antara Objektif kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pengetahuan dan pemahaman dinamik operasi dan strategi, ke arah mencapai objektif Maqashid Syariah terhadap sistem pentadbiran dan pengurusan kerja.



DEKAN Fakulti Syariah, KUPU SB, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar selaku fasilitator kursus.

BERAKAS, Selasa, 9 Februari. - Bagi mendukung Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2020-2024, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia,



ANTARA yang menghadiri Kursus Islamic Governance bagi Pegawai-Pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama.

## Daging mentah, hati buyah tanpa Permit Import Halal dirampas



ANTARA daging mentah dan hati buyah yang dirampas, di kawasan Mentiri.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Februari. - Sebanyak 1,120 kilogram (kg) daging mentah dan 191.2kg hati buyah berjaya dirampas oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa, Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKM), Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) semasa

operasi bersepadu, yang diketuai oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), di kawasan Mentiri, baru-baru ini.

Ketika operasi dijalankan, Pegawai-pegawai Penguatkuasa JKED dan BKM menemui daging mentah, jenama Allana dan

hati buyah, jenama Greenlea, yang ditinggalkan di kawasan luar, sebuah rumah, di Kampung Pengkalan Sibabau, Mentiri.

Kesemua daging mentah dan hati buyah yang ditemui tidak mempunyai tanda Halal Majlis Ugama Islam Brunei, yang dipercayai dibawa masuk ke negara ini tanpa Permit Import Halal.

Kesemua daging mentah juga hati buyah dirampas dan kes tersebut diserahkan ke JKED

## Ujian swab Kompleks Sukan, Hospital RIPAS, Talian Nasihat Kesihatan 148 ditutup 12 Februari

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Februari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai penutupan sementara bagi ujian swab, di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS); dan Talian Nasihat Kesihatan 148, pada Jumaat, 12 Februari 2021.

Walau bagaimanapun, orang ramai yang ingin mendapatkan ujian swab, pada hari penutupan tersebut, bolehlah mendapatkan ujian berkenaan, di Pusat Kesihatan Berakas, bermula 2.00 petang hingga 9.00 malam.

Manakala, kedua-dua perkhidmatan tersebut akan dibukakan semula kepada orang ramai, pada 13 Februari 2021, mengikut waktu operasi yang ditetapkan.

Ujian swab di Kompleks Sukan, Hospital RIPAS, waktu beroperasi adalah setiap hari, bermula 7.00 pagi hingga 10.00 malam.

Sementara Talian Nasihat Kesihatan 148, waktu beroperasinya bermula, pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula 7.45 pagi hingga 4.30 petang. Manakala pada Jumaat pula, bermula 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi daripada perubahan waktu operasi tersebut.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa.

## Pendaftaran Program Tadabbur Al-Quran UNISSA dibukakan

Siaran Akhbar :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat menawarkan Program Tadabbur Al-Quran untuk orang ramai Sesi bulan Mac 2021.

Program Tadabbur Al-Quran bagi Sesi Januari ini, akan diadakan selama enam minggu, iaitu pada setiap Ahad, bermula 8.30 pagi hingga 10.00 pagi (1 jam 30 minit), di kampus UNISSA, di sini.

Adapun tujuan Program Tadabbur Al-Quran ini, khusus diadakan untuk membimbing masyarakat awam dalam memberikan kefahaman dan penghayatan kepada Al-Quran melalui rujukan juga kitab-kitab tafsir yang muktabar.

Ini selaras dengan konsep Negara Zikir dan rakyat celik Al-Quran sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang ingin mendaftar boleh melayari link berikut : <https://bit.ly/PTQC4L>.

Tarikh akhir pendaftaran pada Khamis, 25 Februari 2021, 4.30 petang.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian +673 246 2000 sambungan 204 / 202 atau melayari laman sesawang [www.unissa.edu.bn](http://www.unissa.edu.bn) atau menghantar e-mel ke [C4L@unissa.edu.bn](mailto:C4L@unissa.edu.bn).

untuk tindakan selanjutnya.

Adalah diingatkan bahawa setiap kemasukan daging halal ke negara ini hendaklah mempunyai kebenaran Permit Import Halal yang sah, mengikut proses-proses yang ditetapkan.

BKM, JHES bersama agensi-agensi penguatkuasaan lain akan sentiasa meningkatkan rondaan dan operasi bagi memastikan undang-undang juga peraturan-peraturan di negara ini

sentiasa dipatuhi.

Di samping itu, JHES menyeru orang ramai untuk memberikan kerjasama bagi menyalurkan maklumat-maklumat mengenai kegiatan penyeludupan daging mentah dan sebarang maklumat mengenai bolehlah dilaporkan ke Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES, iaitu menerusi talian Hotline +673 7166222 atau mana-mana Pejabat BKM, di setiap daerah.